

SAYEMBARA VIDEO DEKLAMASI SAJAK KEMERDEKAAN

Tema: Semangat Watan dan Kemerdekaan

Tarikh Akhir Penghantaran: 21hb Ogos 2022 di <https://tinyurl.com/BorangDeklamasiSajak>

Anjuran Bersama: Pusat Kebudayaan UKM

Hadiah:

- Pemenang – Wang Tunai + eSijil Pemenang + Cenderamata
- Peserta – esijil Penyertaan

Terma dan Syarat-Syarat Penyertaan:

1. Penyertaan adalah terbuka kepada semua ahli Kelab Kebajikan Kakitangan FTSM (KIT) **KECUALI** Ahli JK Sayembara Video Deklamasi Sajak Kemerdekaan.
2. Pendaftaran adalah secara individu. Persembahan boleh lebih daripada seorang. Hadiah adalah tertakluk seperti yang dinyatakan.
3. Tempoh durasi video hendaklah tidak kurang dari **2 hingga 4 minit**.
4. Peralatan dan kos penerbitan adalah di bawah tanggungan peserta sendiri.
5. Sajak hendaklah bertemakan nilai “**Semangat Watan dan Kemerdekaan**” dan isinya mestilah bersesuaian dan tidak menyentuh isu-isu sensitif seperti Agama, Politik, Budaya dan Kaum.
6. Puisi yang dideklamasikan dengan iringan muzik latar dan elemen multimedia seperti animasi, grafik, ilustrasi adalah dibenarkan.
7. Busana peserta adalah bersesuaian dengan tema puisi yang hendak disampaikan dan busana mestilah tidak menjolok mata.
8. Perlakuan yang kurang sopan adalah dilarang sama sekali.
9. Sila nyatakan dengan jelas **maklumat nama pendeklamasi, tajuk sajak dan karya sajak** di awal persembahan video.
10. Peserta perlu memuat naik video ke YouTube dan sertakan pautan video di dalam borang pendaftaran.
11. Kriteria penilaian adalah seperti berikut:
 - Bahasa dan Pertuturan
 - Gaya dan Kreativiti persembahan
 - Nilai Kandungan Puisi
 - Kreativiti Video
12. Semua keputusan hakim adalah **muktamad** dan sebarang bantahan selepas keputusan diumumkan tidak akan dilayan.
13. Sekiranya syarat-syarat di atas tidak dipatuhi, pihak juri berhak **tidak mengambil kira pemarkahan** untuk persembahan tersebut. Pihak penganjur berhak membatalkan penyertaan peserta yang melanggar mana-mana peraturan.

Tuntutan Hak Cipta

1. Kesemua penyertaan adalah menjadi hak milik penganjur.
2. Setiap video penyertaan juga mestilah **TIDAK PERNAH** menyertai mana-mana pertandingan.

Ahli Jawatankuasa:

Dr. Amelia Natasha Abdul Wahab (K)

Dr. Kauthar Mohd Daud

Puan Raazzuriyati Razali

Nota: Peserta pertandingan boleh meminjam busana daripada Pusat Kebudayaan UKM melalui Pegawai Kebudayaan, Encik Zulkefli Arif ext 5380 (Tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh Pusat Kebudayaan UKM).